

1036

EUFEMISME DALAM TAFSIR PIMPINAN AR-RAHMAN : SATU TINJAUAN

Dr. Nasimah Abdullah
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
nasimah@kuis.edu.my
012-9837495

Dr. Lubna Abd. Rahman
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
lubna@usim.edu.my
019-2382182

ABSTRAK

Tafsir Pimpinan Ar-Rahman terjemahan Abdullah Basmeih merupakan satu terjemahan makna al-Quran ke bahasa Melayu yang sangat popular dan telah diulang cetak beberapa kali dan yang terakhir adalah pada tahun 2013. Terjemahan tersebut mendapat sambutan yang menggalakkan daripada masyarakat Melayu khususnya di Malaysia disebabkan oleh cara terjemahan makna yang menggunakan bahasa yang ringkas dan mudah difahami oleh setiap pembaca. Penulisan ini bertujuan mengkaji unsur eufemisme yang terdapat dalam teks terjemahan oleh Abdullah Basmeih dengan memilih beberapa ayat al-Quran sebagai sampel kajian. Kajian ini merupakan kajian kualitatif dan analisis teks dan ia adalah bersifat tinjauan awal terhadap tiga (3) perkataan sahaja yang terdapat dalam teks al-Quran iaitu (مات), (الغائط) dan (المحيض). Analisis data pula adalah secara kaedah deskriptif. Berdasarkan beberapa contoh ayat yang diteliti, kajian ini mendapati bahawa teks terjemahan Abdullah Basmeih ini tidak mematuhi peraturan sociolinguistik Melayu apabila menterjemahkan “مات” kepada “mati” dan “المحيض” kepada “haidh”. Walaupun terjemahan tersebut mematuhi peraturan semantik, tetapi ini membawa kepada wujudnya unsur disfemisme. Namun begitu, adakalanya teks terjemahan tersebut meraikan peraturan sociolinguistik Melayu apabila menterjemahkan “الغائط” kepada “tempat buang air”. Dan apa yang menarik, terdapat juga teks terjemahan tersebut yang mengambilkira fungsi pragmatik apabila menterjemahkan “مات” kepada “mati” kerana merujuk kepada konteks makna marah. Justeru, satu semakan semula perlu dilaksanakan agar pemilihan kata adalah sesuai bukan sahaja dari sudut semantik malah mengikut peraturan sociolinguistik dan pragmatik.

Kata kunci: Eufemisme; Tafsir Pimpinan Ar-Rahman; al-Quran; Melayu

1. Pendahuluan

Masyarakat Melayu amat menitik beratkan unsur kesantunan semasa berinteraksi dan berkomunikasi sama ada secara lisan mahupun penulisan, rasmi atau tidak rasmi. Faktor budaya dan agama Islam telah menjadikan masyarakat Melayu sebuah masyarakat yang mementingkan nilai kesantunan bahasa. Justeru itu, masyarakat Melayu mengamalkan pertuturan yang lemah lembut dan bersopan santun supaya tidak dianggap biadap atau tidak berbudi bahasa. Antara amalan kesantunan dalam budaya Melayu ialah penggunaan bahasa

halus dan kata panggilan yang sesuai supaya si penutur tidak digambarkan sebagai seseorang yang kasar atau biadab.

Peraturan penggunaan bahasa kadang-kadang terikat dengan peraturan sosiolinguistik. Kepatuhan pengguna bahasa kepada peraturan sosiolinguistik yang terdapat dalam bahasa masyarakatnya menjadi ukuran kepada kesantunan berbahasa. Awang Sariyan (2007: 4) mendefinisikan peraturan sosiolinguistik kepada “penggunaan bahasa yang menitikberatkan hubungan sosial antara pembicara dengan pendengar (dalam konteks komunikasi lisan) dan antara penulis dengan pembaca (dalam konteks komunikasi tulisan)”. Pemilihan kata perlulah sesuai dengan konteks hubungan kedua-dua pihak yang berinteraksi untuk memastikan wujudnya unsur kesantunan bahasa. Eufemisme adalah termasuk dalam peraturan sosiolinguistik.

Fenomena yang berkaitan dengan eufemisme tidak sahaja wujud dalam bahasa Melayu tetapi juga dalam hampir semua bahasa di dunia. Bermula dari satu perkataan kepada frasa sehinggalah kepada sebuah teks, makna sesuatu bahasa itu tetap dipengaruhi oleh faktor budaya (Azman & Azhar: 2010). Dalam sosio-budaya Melayu, unsur disfemisme perlu dielakkan dalam situasi tertentu. Disfemisme ialah ungkapan atau kata yang kasar untuk menggantikan ungkapan atau kata yg halus, lembut dan sopan (Kamus Dewan: 2007: 355).

Oleh itu, konteks penggunaan bahasa perlulah diambilkira dalam proses interaksi agar wujud kesantunan berbahasa. Begitu juga ada setengah bahasa yang terikat dengan peraturan sosiolinguistik tertentu. Justeru dalam usaha memindahkan satu mesej dari bahasa sumber ke bahasa sasaran, penterjemah perlu memahami bukan sahaja peraturan linguistik, malah juga peraturan sosiolinguistik kedua-dua masyarakat sumber dan sasaran agar tidak wujud unsur disfemisme dalam wacana (Nasimah Abdullah, Lubna Abd Rahman & Nor Fazila Ab Hamid : 2017: 2).

Dari sudut perkembangan terjemahan al-Quran ke bahasa Melayu, banyak usaha telah digembelngkan oleh pelbagai pihak sama ada oleh individu atau pun secara kolektif atau melalui badan dan institusi bukan kerajaan dan kerajaan sendiri. Antara terjemahan al-Quran yang diusahakan oleh individu adalah Mahmud Yunus, Abdullah Basmeih dan Zaini Dahlan. Manakala, terjemahan al-Quran yang diusahakan oleh institusi atau badan bukan kerajaan adalah seperti Yayasan Restu, al-Hidayah House of al-Quran, Karya Bestari dan lain-lain. Sumbangan individu dan pihak berkaitan tersebut tidak dapat dinafikan lagi dalam usaha menyampaikan mesej yang terdapat dalam al-Quran. Hal ini kerana masyarakat Melayu yang tidak ada latar belakang pengetahuan dalam bahasa Arab akan membaca dan merujuk kepada terjemahan makna al-Quran dalam Bahasa melayu (Nasimah Abdullah : 2015: 21). Namun tiada kajian khusus dibuat untuk mengenalpasti sejauhmana terjemahan tersebut meraikan peraturan sosiolinguistik Melayu terutama yang melibatkan unsur eufemisme.

Dalam pengetahuan penulis, tinjauan persuratan sebelum ini tidak ada yang membincangkan secara khusus tentang eufemisme dalam menterjemahkan perkataan (مات), (الغائط) dan (المحيض) dalam terjemahan al-Quran ke bahasa Melayu. Kajian oleh Nasimah Abdullah, Lubna Abd Rahman dan Nor Fazila Ab Hamid (2017) hanya cuba mengetengahkan unsur disfemisme yang terdapat dalam teks terjemahan makna al-Quran dari sudut pandangan sosiolinguistik Melayu dengan memfokuskan terjemahan kata ganti nama diri Arab dalam dua teks terjemahan makna al-Quran, iaitu Tafsir Pimpinan al-Rahman terbitan JAKIM dan Al-Quran Mushaf Malaysia dan Terjemahan terbitan Yayasan Restu. Begitu juga kajian lain daripada Nasimah Abdullah dan Lubna Abd Rahman (2017) yang mengkaji aspek eufemisme dalam menterjemahkan kata ganti nama diri daripada bahasa Arab ke bahasa Melayu dengan memilih beberapa ayat al-Quran daripada terjemahan terbitan Yayasan Restu sebagai sampel kajian.

Ironinya, isu eufemisme masih menjadi topik perbahasan yang biasanya melibatkan peraturan sosiolinguistik dalam masyarakat Melayu. Penggunaan eufemisme dalam komunikasi sama ada berbentuk lisan ataupun tulisan adalah lambang kepada nilai etika dan norma kehidupan masyarakat Melayu. Malah, isu ini juga menarik pengkajian dalam bidang terjemahan Arab-Melayu kerana terjemahan itu sendiri ada hubungan dengan penggunaan bahasa.

2. Sorotan Tafsir Pimpinan Ar-Rahman

Tafsir Pimpinan Ar-Rahman merupakan satu terjemahan makna al-Quran ke bahasa Melayu yang sangat popular dan telah diulang cetak beberapa kali dan yang terakhir adalah pada tahun 2013. Terjemahan tersebut mendapat sambutan yang menggalakkan daripada masyarakat Melayu khususnya di Malaysia disebabkan oleh cara terjemahan makna yang menggunakan bahasa yang ringkas dan mudah difahami oleh setiap pembaca (Nasimah Abdullah : 2015: 38-39).

Terjemahan ini telah diusahakan oleh Sheikh Abdullah Basmeih. Beliau telah menterjemahkan 30 juzuk al-Quran ke bahasa Melayu. Kemudian hasil terjemahan beliau telah disemak oleh Tuan Haji Muhammad Noor bin Haji Ibrahim bekas Mufti Kerajaan Negeri Kelantan. Pada tahun 1980, cetakan pertama dalam tulisan rumi telah diterbitkan di bawah kawalan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Terjemahan Sheikh Abdullah Basmeih ini telah diulang cetak beberapa kali iaitu pada tahun 1982, 1985, 1987, 1988, 1992, 1995, 1998, 1999, 2000, 2001 dan cetakan terakhir adalah pada tahun 2010. (Nasimah Abdullah : 2015: 38-39)

3. Definisi Eufemisme dan Jenisny

Ungkapan atau gaya bahasa eufemisme kerap digunakan dalam kalangan masyarakat secara sedar atau tidak sedar dan menjadi pengenalan kepada identiti masyarakat Melayu (Noor Hatini & Siti Saniah: 2011). Masyarakat Melayu memang sudah dikenali sebagai satu masyarakat yang mempunyai nilai kesantunan yang amat tinggi sejak dahulu lagi, baik dari segi pertuturan mahupun tingkah laku. Nilai etika dan norma kehidupan masyarakat Melayu

dapat dilihat melalui penggunaan eufemisme dalam komunikasi berbentuk lisan ataupun tulisan. Eufemisme tidak boleh dikesampingkan walaupun perubahan demi perubahan berlaku dalam kehidupan dunia yang canggih dan moden masa kini kerana melambangkan identiti bangsa dan budaya sesebuah masyarakat (Nasimah & Lubna: 2017). Hakikatnya, masyarakat Melayu bukan hanya mementingkan kesantunan dan kesopanan dalam penggunaan bahasa sahaja tetapi juga dalam perlakuan.

Eufemisme bermaksud ungkapan yang lebih lembut, sopan, manis dan seumpamanya untuk menggantikan ungkapan yang dianggap kasar (Kamus Dewan: 2007: 402). Contohnya kata nama “kencing” boleh diganti dengan “buang air kecil” dan “berak” boleh diganti dengan “buang air besar”. Hal ini kerana kata nama “kencing” dan “berak” tidak sesuai jika digunakan untuk percakapan yang sopan. Justeru, dalam eufemisme terjadi penggantian nilai rasa dalam percakapan dari kurang sopan menjadi lebih sopan. Dalam budaya masyarakat Melayu, penggunaan unsur eufemisme ini amat dititikberatkan dalam interaksi berdasarkan faktor-faktor budaya dan sosiolinguistik. Menurut Asmah (2002), penyampaian sesuatu komunikasi secara berkesan itu, hendaklah mengambil kira bukan sahaja peraturan nahu tetapi juga peraturan penggunaan bahasa yang terletak pada aspek sosiolinguistik dan aspek pragmatik.

Eufemisme boleh dikategorikan kepada dua (2) jenis penggunaan iaitu i) sistem sapaan yang melibatkan kata ganti nama diri dan ii) bahasa halus. Dalam sistem sapaan terutamanya dalam masyarakat Melayu, penggunaan kata ganti nama, panggilan ataupun gelaran terhadap orang yang disapa perlu sesuai dengan konteks keadaan, jarak sosial dan kedudukan individu tersebut dalam masyarakat sama ada dalam urusan rasmi dan tidak rasmi. Bahasa halus pula merujuk kepada penggunaan bahasa atau perkataan lain yg lebih lembut yg digunakan utk menggantikan perkataan yg dirasakan kasar atau menyentuh perasaan orang lain (Kamus Dewan: 2007). Penggunaan eufemisme juga bertujuan untuk mengelak daripada mengatakan sesuatu yang tidak bagus, tidak elok dan tidak sedap didengar secara langsung (Ahmad Mahmood Musanif, & Arbak Othman: 2010 dalam Siti Norashikin & Ernawita: 2017).

Penggunaan eufemisme dalam sosio-budaya masyarakat Melayu lazimnya merujuk kepada sesuatu kata yang dianggap lebih lembut atau sederhana, lebih baik atau menyenangkan, dan kurang berterus-terang sifatnya bagi memperkatakan sesuatu yang mungkin boleh dianggap kasar, keras, menakutkan, menghina atau menyinggung perasaan seseorang. Eufemisme juga digunakan untuk menggantikan kata-kata tabu agar menjadi lebih bermakna dan tidak memakan diri sendiri (Teo: 1995). Kata-kata atau perkataan tabu merujuk kepada kata-kata yang dilarang disebut secara langsung dalam komunikasi (Wahab, Abdullah, Mis, & Salehuddin: 2016), seperti mati dan jamban dalam masyarakat Melayu.

4. Masalah Kepelbagaian Padanan Makna Semantik Dalam Terjemahan

Ilmu semantik adalah satu ilmu tentang pengkajian makna, iaitu mengkaji tentang makna atau erti perkataan, dan penambahan atau perubahan makna sesuatu kata (Kamus Dewan Edisi Keempat: 2007: 1433). Manakala, ilmu terjemahan pula melihat pengkajian makna dalam

kondisi yang melangkaui bahasa berbeza. Oleh itu, kedua-dua ilmu ini saling berkait antara satu sama lain.

Menurut Catford (1965), penterjemahan adalah penggantian kandungan teks dalam suatu bahasa (bahasa sumber) dengan padanan kandungan teks daripada suatu bahasa lain (bahasa sasaran), manakala Nida (1964) pula menganggap penterjemahan sebagai satu proses menghasilkan semula padanan yang paling hampir dengan mesej bahasa sumber ke dalam bahasa sasaran, samaada dari segi makna ataupun gaya. Oleh itu, dapat dikatakan bahawa satu daripada masalah utama dalam penterjemahan ialah mencari padanan kata yang sejadi dan sepadan.

Nida (1975) menyebut bahawa masalah terjemahan yang sebenarnya merupakan masalah kepadanan. Oleh itu, Nida (1964) telah mengemukakan kemungkinan empat (4) jenis padanan dalam penterjemahan seperti berikut:

- i- Satu lawan satu seperti (قلم) bermakna (pen), (سماء) bermakna (langit) dan (بحر) bermakna (laut).
- ii- Satu lawan banyak seperti (hujan) boleh membawa makna (مطر) atau (غيث), dan (الأرز) boleh membawa makna (padi) atau (beras) atau (nasi).
- iii- Banyak lawan satu seperti (hutan) dan (semak) bermakna (غابة) atau (pekan), (bandar) dan (bandaraya) bermakna (مدينة)
- iv- Satu lawan tiada seperti (bersanding) tiada perkataan yang sepadan kecuali perlu dibuat penafsiran makna iaitu (جلوس العروسين على منصة).

Ironinya di sini, terdapat masalah kepelbagaian padanan makna semantik dalam menterjemahkan tiga perkataan yang terdapat dalam teks al-Quran yang dikaji iaitu (مات), (الغانط) dan (المحيض). Hal ini kerana, (مات) boleh diterjemah dengan pelbagai padanan seperti i) (mati), ii) (meninggal dunia) atau iii) (kembali ke pangkuan Ilahi). (الغانط) pula boleh diterjemah sebagai i) (tandas), (jamban), ii) (bilik air) dan iii) (tempat membuang air), manakala (المحيض) boleh diterjemah sebagai i) (haid) atau ii) (datang bulan).

5. Keperluan Ilmu Sociolinguistik dan Pragmatik dalam Interpretasi Makna

Selain ilmu semantik, ilmu sociolinguistik juga penting dalam interpretasi makna. Sociolinguistik adalah kajian bahasa dalam hubungannya dengan struktur dan sikap masyarakat (Kamus Dewan Edisi Keempat: 2007: 1519). Menurut Sperber dan Wilson (1986: 1), pengkajian makna pada peringkat semantik belum dapat memberikan makna sepenuhnya sebagaimana yang dihayati oleh penutur. Hal ini kerana pengkajian tentang makna pada peringkat semantik hanya terhad kepada maklumat linguistik sahaja (Nor Hashimah Jalaluddin: 1992: 1). Pengkajian makna seharusnya melibatkan juga ilmu sociolinguistik. Kombinasi ilmu semantik yang fokus kepada pengkajian makna dan sociolinguistik yang mengambilkira pemakaian dalam masyarakat sudah pasti dapat membantu pengkajian makna yang lebih berkesan.

Jika dilihat dari sudut peraturan sosiolinguistik, perkataan (مات) boleh diterjemah sebagai i) (mati) (Husain Unang : 1994: 880), ii) (meninggal dunia) (Kamus Dewan Edisi Keempat: 2007: 1691) atau iii) (kembali ke pangkuan Ilahi). (الغائط) pula boleh diterjemah sebagai i) (tandas) (Husain Unang: 1994: 733), (jamban) (Kamus Dewan Edisi Keempat: 2007: 603), ii) (bilik air) (Kamus Dewan Edisi Keempat: 2007: 186) dan iii) (tempat membuang air) (Kamus Fajar KSSR: 2011 : 589; Abu Abdullah Hanafi Dollah : 2006 : 456), manakala (المحيض) boleh diterjemah sebagai i) (haid) (Kamus Besar Arab-Melayu: 2006 : 555) atau ii) (datang bulan) (Kamus Dewan Edisi Keempat: 2007: 318).

Selain ilmu semantik dan sosiolinguistik, ilmu pragmatik juga penting dalam interpretasi makna. Pragmatik menurut Stephen C. Levinson (1987), adalah suatu ilmu yang ada pertalian dengan bidang sosiolinguistik. Ilmu pragmatik penting dalam menyelesaikan masalah ketaksaaan, kekaburan dan ketidaktentuan yang terhasil daripada ujaran yang sudah semestinya tidak boleh dilakukan dengan ilmu semantik dan sosiolinguistik.

Sebagai contoh, dalam linguistik Melayu terdapat pelbagai istilah yang merujuk kepada “مات”, antaranya (mati), (meninggal dunia) atau (kembali ke pangkuan Ilahi). Peraturan sosiolinguistik masyarakat Melayu menentukan setiap perkataan tersebut mempunyai konteks penggunaan tersendiri dan tidak boleh digunakan sesuka hati. Penutur natif biasanya mampu membezakan penggunaan kesemua frasa tersebut berdasarkan maklumat tambahan. Contohnya, “mati” dianggap lebih kasar berbanding “meninggal dunia” dari sudut penggunaannya. Namun, istilah “mati” digunakan dalam konteks tertentu yang ada maklumat tambahan seperti dalam keadaan marah. Maklumat tambahan inilah yang dikatakan konteks dalam ilmu pragmatik. Ada titik perbezaan antara kedua-dua istilah tersebut meskipun dari segi semantik ada persamaannya. Jelasnya, pragmatik mempunyai peranan yang berbeza berbanding dengan semantik.

6. Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan kajian kualitatif dan analisis teks yang dilakukan terhadap *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman* yang diterjemah oleh Syeikh Abdullah Basmeih. Penulisan ini bertujuan mengkaji unsur eufemisme yang terdapat dalam kaedah terjemahan yang digunakan oleh Abdullah Basmeih dan kajian ini bersifat tinjauan awal terhadap tiga (3) perkataan sahaja yang terdapat dalam teks al-Quran iaitu (مات), (الغائط) dan (المحيض). Analisis data pula adalah secara kaedah deskriptif.

Kajian ini menggunakan kaedah carian maklumat berkaitan keberadaan 3 perkataan tersebut dalam ayat al-Quran melalui bantuan penggunaan program atau *software Maktamah Syamilah* iaitu sebuah program komputer yang berfungsi sebagai perpustakaan digital dan buku elektronik. Penggunaan *software* ini adalah kerana teknik pencarian objek yang mudah dan mesra.

Hasil dari carian maklumat melalui *software* tersebut adalah seperti berikut:

- i- Perkataan (مات) disebut dua (2) kali dalam al-Quran iaitu surah al ‘Imran ayat 144 dan surah al-Taubah ayat 84.
- ii- Perkataan (المحيض) disebut dua (2) kali dalam al-Quran iaitu surah al- Baqarah ayat 222 dan surah al-Talak ayat 4.
- iii- Perkataan (الغائط) disebut dua (2) kali dalam al-Quran iaitu surah al-Nisaa ayat 43 dan surah al-Maaidah ayat 6.

7. Analisis dan Perbincangan

Berdasarkan pemerhatian awal penulis, Abdullah Basmeih menggunakan padanan perkataan yang sama untuk menterjemahkan perkataan yang terletak dalam ayat al-Quran yang berlainan. Perkataan (مات) diterjemahkan kepada (mati) di kedua-dua ayat yang berlainan, serta (المحيض) juga diterjemahkan kepada (haid atau haidh) di kedua-dua ayat yang berlainan. Kondisi yang sama juga berlaku kepada perkataan (الغائط) yang diterjemahkan kepada (tempat buang air) di kedua-dua ayat yang berlainan.

Untuk mencapai objektif kajian ini iaitu mengkaji unsur eufemisme yang terdapat dalam teks terjemahan oleh Abdullah Basmeih, penulis bukan sahaja perlu melihat semua perkataan tersebut dari sudut padanan semantik semata-mata, malah juga perlu mengenalpasti peraturan sosiolinguistik yang melingkungi penggunaan masyarakat Melayu, serta juga mengambil kira fungsi pragmatik yang wujud dalam konteks ayat yang dikaji.

Berikut ialah analisa terhadap terjemahan perkataan tersebut:

Jadual 1: Perkataan (مات)

<p>1. {وَمَا مُحَمَّدٌ إِلَّا رَسُولٌ قَدْ خَلَتْ مِنْ قَبْلِهِ الرُّسُلُ أَفَإِنْ مَاتَ أَوْ قُتِلَ انْقَلَبْتُمْ عَلَىٰ أَعْقَابِكُمْ...}</p> <p>- Surah al ‘Imran : ayat 144 –</p>	<p>Dan Muhammad itu tidak lain hanyalah seorang Rasul yang sudahpun didahului oleh beberapa orang Rasul (yang telah mati atau terbunuh). Jika demikian, kalau ia pula mati atau terbunuh, (patutkah) kamu berbalik (berpaling tadah menjadi kafir)?...</p>
<p>2. {وَلَا تُصَلِّ عَلَىٰ أَحَدٍ مِنْهُمْ مَاتَ أَبَدًا وَلَا تَقُمْ عَلَىٰ قَبْرِهِ ۗ إِنَّهُمْ كَفَرُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ ۗ وَمَاتُوا وَهُمْ فَاسِقُونَ}</p> <p>- Surah al-Taubah : Ayat 84 -</p>	<p>Dan janganlah engkau sambahyangkan seorang pun yang mati dari orang-orang munafik itu selama-lamanya, dan janganlah engkau berada di (tepi) kuburnya, kerana sesungguhnya mereka telah kufur kepada Allah dan RasulNya, dan mereka mati sedang mereka dalam keadaan fasik (derhaka).</p>

Jadual 1 menunjukkan terjemahan untuk perkataan atau kata kerja (مات) dalam dua contoh ayat yang berlainan. Walau bagaimanapun, penterjemah menterjemahkannya kepada kata kerja yang sama iaitu (mati). Menurut Kamus Besar Arab-Melayu Dewan (2006 : 2269), padanan kata kerja ini dalam bahasa Melayu ialah (mati). Walau bagaimanapun, perkataan ini dianggap agak kasar, malah tabu (Nafisah, 2015) dalam budaya masyarakat Melayu yang mementingkan eufemisme. Lazimnya, perkataan seperti meninggal dunia, mangkat atau wafat digunakan mengikut konteks yang mendasarinya sebagai menggantikan perkataan (mati).

Dalam contoh ayat pertama, rujukan kata kerja (مات) adalah kembali kepada Muhammad iaitu Rasulullah SAW. Dalam konteks ini, penulis berpandangan bahawa terjemahan kata kerja (مات) kepada (mati) tidak menepati budaya dan peraturan sosiolinguistik masyarakat Melayu Islam kerana penggunaan kata kerja yang lazimnya dikhususkan untuk nabi dan rasul ialah wafat (Kamus Dewan: 2007 : 1794). Masyarakat Melayu Islam memuliakan Baginda Muhammad SAW sebagai seorang Rasul, justeru terjemahan perkataan tersebut kepada (mati) tidak mengandungi unsur eufemisme atau bahasa yang sopan.

Dalam contoh ayat kedua pula, kata kerja (مات) merujuk kepada orang-orang munafik, yang merupakan golongan manusia biasa. Kata kerja (mati) ialah kata kerja yang digunakan untuk manusia selain nabi, rasul dan raja. Dalam masyarakat Melayu, perkataan yang merujuk kepada kematian dan menunjukkan unsur eufemisme ialah meninggal dunia. Walau bagaimanapun, penulis berpandangan, dalam konteks ayat ini, kata kerja (mati) lebih sesuai digunapakai berbanding (meninggal dunia) kerana merujuk kepada golongan munafik yang engkar kepada Allah dan dipandang hina oleh-Nya.

Jadual 2: Perkataan (المحيض)

<p>1.</p> <p style="text-align: center;">وَيَسْأَلُونَكَ عَنِ الْمَحِيضِ قُلْ هُوَ أَذَىٰ فَأَعْتَرِلُوا النِّسَاءَ فِي الْمَحِيضِ وَلَا تَقْرَبُوهُنَّ حَتَّىٰ يَطْهُرْنَ ...</p> <p style="text-align: center;">- Surah al-Baqarah : Ayat 222 -</p>	<p>Dan mereka bertanya kepada mu (wahai Muhammad), mengenai (hukum) haid. Katakanlah: “Darah haid itu satu benda yang (menjijikkan dan) mendatangkan mudarat”. Oleh sebab itu hendaklah kamu menjauhkan diri dari perempuan (jangan bersetubuh dengan isteri kamu) dalam masa datang darah haid itu, dan janganlah kamu hampiri mereka (untuk bersetubuh) sebelum mereka suci....</p>
<p>2.</p> <p style="text-align: center;">وَالَّتِي يَبْسَنَ مِنَ الْمَحِيضِ مِنْ نِسَائِكُمْ إِنْ أَرَبْتُمْ فَعِدَّتُهُنَّ ثَلَاثَةُ أَشْهُرٍ وَالَّتِي لَمْ تَحِضْنَ ...</p> <p style="text-align: center;">- Surah al-Talak : Ayat 4 -</p>	<p>Dan perempuan-perempuan dari kalangan kamu yang putus asa dari kedatangan haidh, jika kamu menaruh syak (terhadap tempoh ‘iddah mereka) maka ‘iddahnya ialah tiga bulan; dan (demikian) juga ‘iddah perempuan-perempuan yang tidak berhaidh....</p>

Dalam Jadual 2 di atas, perkataan yang menjadi fokus kajian ialah perkataan (المحيض). Penulis mendapati bahawa terjemahan perkataan (المحيض) kepada haid atau darah haid dalam kedua-dua contoh ayat di atas ialah terjemahan langsung yang bersifat terang untuk memudahkan pemahaman pembaca sasaran.

Perkataan haid dianggap sebagai salah satu perkataan yang tabu dalam masyarakat Melayu terutamanya kepada wanita. Penggunaan ungkapan eufemisme adalah sebagai pengganti kata tabu dan ungkapan yang terang atau kasar dengan memberi pertimbangan nilai rasa walaupun ia mendukung makna yang sama. Sebagai contoh (datang haid) digantikan dengan (datang bulan) (Zuraini et al : 2009). Ungkapan-ungkapan tabu sudah wujud sejak berzaman dahulu dan lazimnya digantikan dengan ungkapan-ungkapan yang lebih sopan dan mempunyai konotasi yang halus. Ungkapan-ungkapan tersebut masih tetap digunakan oleh masyarakat Melayu sehinggalah pada hari ini (Nafisah : 2015).

Oleh itu, terjemahan perkataan (المحيض) kepada haid tidak mematuhi peraturan sosiolinguistik masyarakat Melayu kerana mungkin menjadi ungkapan ofensif kepada ahli masyarakat. Namun, penulis merasakan bahawa penggunaan perkataan haid dalam konteks terjemahan ayat al-Quran - walaupun tidak bersifat eufemisme – dilihat relevan sekiranya digunakan untuk menyampaikan maklumat berkaitan hukum secara terus sebagai panduan kepada pembaca. Walau bagaimanapun, penggunaan darah sebagai tambahan kepada perkataan haid dilihat tidak perlu kerana haid itu sendiri didefinisikan sebagai darah yang keluar dari rahim perempuan yang baligh (Kamus Dewan : 2007 : 498).

Jadual 3: Perkataan (الغائط)

<p>1. {...وَإِنْ كُنْتُمْ مَرْضَىٰ أَوْ عَلَىٰ سَفَرٍ أَوْ جَاءَ أَحَدٌ مِّنْكُم مِّنَ الْغَائِطِ أَوْ لَمَسْتُمُ النِّسَاءَ فَلَمْ تَجِدُوا مَاءً فَتَيَمَّمُوا صَعِيدًا طَيِّبًا...}</p> <p>- Surah al-Nisaa : Ayat 43 -</p>	<p>... Dan jika kamu sakit, atau sedang dalam musafir, atau salah seorang diantara kamu datang dari tempat buang air, atau kamu bersentuh dengan perempuan, kemudian kamu tidak mendapat air (untuk mandi atau berwudu'), maka hendaklah kamu bertayammum dengan tanah – debu, yang suci,...</p>
<p>2. {...وَإِنْ كُنْتُمْ مَرْضَىٰ أَوْ عَلَىٰ سَفَرٍ أَوْ جَاءَ أَحَدٌ مِّنْكُم مِّنَ الْغَائِطِ أَوْ لَمَسْتُمُ النِّسَاءَ فَلَمْ تَجِدُوا مَاءً فَتَيَمَّمُوا صَعِيدًا طَيِّبًا...}</p> <p>- Surah al-Maaidah : Ayat 6.</p>	<p>... dan jika kamu sakit (tidak boleh kena air), atau dalam pelayaran, atau salah seorang dari kamu datang dari tempat buang air, atau kamu sentuh perempuan, sedang kamu tidak mendapat air (untuk berwudu' dan mandi), maka hendaklah kamu bertayammum dengan tanah – debu yang bersih,...</p>

Jadual 3 menunjukkan bahawa perkataan (الغائط) dalam dua contoh ayat di atas diterjemahkan kepada (tempat buang air). Menurut Kamus Besar Arab-Melayu Dewan (2006), perkataan ini mempunyai dua maksud iaitu: i) tanah lapang yang rendah, sebagai kiasan daripada buang air besar dan juga ii) tahi. Maksud yang pertama, sekiranya digunakan, mungkin tidak difahami oleh pembaca sasaran kerana dijadikan kiasan, manakala maksud kedua pula tidak sesuai dan tidak menyenangkan sama sekali untuk digunakan dalam konteks ayat di atas, malah dianggap sebagai perkataan yang tabu dalam masyarakat Melayu (Nafisah, 2015).

Namun, kita dapati bahawa penterjemah telah menggunakan padanan berbeza daripada maksud-maksud tersebut, iaitu tempat buang air. Penulis berpendapat bahawa terjemahan ini lebih mudah difahami oleh pembaca dan mempunyai unsur kesopanan dalam menyampaikan mesej. Justeru, terjemahan perkataan (الغائط) kepada tempat buang air dilihat menepati kehendak dan jangkaan pembaca sasaran mengenai isu yang diketengahkan, malah mempunyai nilai eufemisme yang mematuhi peraturan sosiolinguistik masyarakat Melayu. Istilah buang air itu sendiri ialah eufemisme yang digunakan untuk menggantikan perkataan berunsur disfemisme seperti kencing atau berak (perkataan tabu).

8. Dapatan Kajian

Hasil kajian mendapati bahawa perkataan-perkataan seperti mati dan haid merupakan antara perkataan tabu dalam masyarakat Melayu sejak dahulu lagi. Lazimnya, perkataan seumpama ini akan digantikan dengan penggunaan bahasa yang lebih sopan atau yang bersifat eufemisme untuk mengelak daripada menyakiti, menyinggung atau memalukan. Sebagai contoh, perkataan meninggal dunia digunakan untuk menggantikan mati, perkataan datang bulan menggantikan datang haid, manakala perkataan kencing atau berak digantikan dengan perkataan buang air (kecil atau besar).

Berdasarkan contoh yang dikaji, terjemahan perkataan (مات) kepada (mati) dalam salah satu contoh ayat yang merujuk kepada seorang Rasul dilihat tidak mematuhi peraturan sosiolinguistik masyarakat Melayu, malah tidak memperlihatkan unsur eufemisme dalam terjemahan tersebut. Padanan yang paling sesuai ialah perkataan (wafat) kerana merujuk kepada insan terpilih sebagai nabi atau rasul. Walau bagaimanapun, penggunaan perkataan mati untuk terjemahan (مات) dalam contoh yang lain pula dianggap relevan sekiranya merujuk kepada golongan yang dimurkai Allah seperti golongan munafik.

Merujuk kepada perkataan darah haid, perkataan ini juga dianggap perkataan tabu dalam masyarakat Melayu sejak sekian lama. Perkataan ini lazimnya digantikan dengan datang bulan sebagai satu bentuk eufemisme yang digunakan untuk mengelakkan daripada menyinggung atau memalukan pendengar terutamanya kaum wanita. Justeru, seharusnya penterjemah peka dengan perkara ini. Walau bagaimana pun, penggunaan perkataan haid secara langsung dalam urusan menerangkan hukum agama dilihat relevan untuk memberi kefahaman jelas kepada pendengar. Manakala, terjemahan perkataan (الغائط) kepada tempat buang air adalah bersifat

eufemisme dan menepati tatasusila serta sosio-budaya masyarakat Melayu yang tidak gemar kepada perkataan tabu atau kasar.

Rujukan

- _____. (2006). *Kamus Besar Arab-Melayu Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- _____. (2007). *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- _____. (2011). *Kamus Fajar KSSR*. Shah Alam Selangor: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Abdullah Basmeih. (2001). *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian al-Quran*. (cetakan 12). Kuala Lumpur: Darul Fikir.
- Abu Abdullah Hanafi Dollah. (2006). *Kamus al-Khalil*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam.
- Asmah Omar. (2002). *Setia dan Santun Bahasa*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Sultan Idris .
- Awang Sariyan. (2007). *Santun Berbahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azman Che Mat dan Azhar Muhammad. (2010). Budaya Berbahasa Menurut Perspektif Islam. *Sains Humanika*. 53(1). 1-12.
- Catford, J. C. (1965). *A Linguistic Theory of Translation*. London: Oxford University Press. 1st Edition.
- Husain Unang. (1994). *Kamus al-Tullab Arabi-Malayuwi*. Kuala Lumpur: Darul Fikir.
- Nafisah Abd Hamid. (2015). Kesantunan Bahasa – Penggunaan Sistem Sapaan Dan Eufemisme Dalam Komunikasi, dalam *Perkongsian Profesional Bagi Guru-Guru Permulaan*. Singapura: Pusat Bahasa Melayu Singapura, Kementerian Pendidikan Singapura.
- Nasimah Abdullah. (2015). Tafsir Pimpinan Ar-Rahman: Tinjauan Terhadap Kesepadanan Terjemahan Kata Ganti Nama Diri Arab-Melayu. *Jurnal Pengajian Islam*. Bil. 8. Isu 3. Edisi Khas (Disember). 35-54. Available: <http://journal.kuis.edu.my/e-jurnal-pengajian-islam/postbilangan-8-isu-3-edisi-khas-disember-2015/>
- Nasimah Abdullah & Lubna Abd Rahman. (2017). *Eufemisme dalam al-Quran Mushaf Malaysia dan Terjemahan oleh Yayasan Restu*. In Proceedings of International Language and Education Conference.
- Nasimah Abdullah, Lubna Abd Rahman & Nor Fazila Ab Hamid. (2017). *Unsur Disfemisme dalam Terjemahan Makna al-Quran ke Bahasa Melayu*. in e-Proceedings of 3rd. International Conference on Islamiyyat Studies. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. Available: <http://conference.kuis.edu.my/irsyad/e-proceeding/2017/table-of-content.html>
- Nida, Eugene A.. (1964). *Toward A Science of Translating: with special reference to principles and Procedures involved in bible translating*. Leiden: E. J. Brill.
- Nida, Eugene A.. (1975). *Componential Analysis of Meaning*. Netherlands: Mouton Publishers.

- Noor Hatini Zolkifli & Siti Saniah Abu Bakar. (2011). Unsur Eufemisme Dalam Novel Papa dan Azfa Hanani. *Jurnal Bahasa*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Jil. 11, Bil. 1, hlm 83-108.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (1992). *Semantik dan pragmatik: Satu pengenalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Norashikin Mohd Khalidi & Ernawita Atan. (2017). Unsur Eufemisme Dalam Novel Jalan Retak Karya A. Samad Said. *Journal of Business and Social Development*. Vol. 5 NO. 1, March 2017, hlm 88-101.
- Sperber, D. & Wilson. (1986) . *Relevance: Communication and cognition*. Oxford: Blackwell.
- Stephen C. Levinson. (1987). Pragmatics and the grammar of anaphora: a partial pragmatic reduction of Binding and Control phenomena. *J. Linguistics* 23: 379-434.
- Teo Kok Seong, 1995. Tahu Bahasa/Tak Tahu Bahasa: Persoalan Bahasa Budaya dan Komunikasi. Dlm. Hanapi Dollah & Lokman Mat Zen (ed.) *Kebudayaan Melayu di Ambang Abad Baru: Satu Himpunan Makalah*. Bangi: Penerbit UKM.
- Wahab, H. A., Abdullah, I. H., Mis, M. A., & Salehuddin, K. (2016). Analisis eufemisme kematian masyarakat melayu sarawak dari perspektif semantik kognitif. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 16(2), 53–71.
- Zuraini Ramli, Dahlia Janan, Husna Faredza Mohamed Redzwan & Khairul Azam Bahari. (2009). Amalan Kesantunan Berbahasa di Sekolah, dalam *Laporan Akhir Penyelidikan*. Tanjung Malim: Universiti Perguruan Sultan Idris.